

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUTERA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred	Jadual Gaji Minimum-Maksimum				
Gred J41	:	P1	RM2359.72	-	RM5559.76
		P2	RM2468.21	-	RM5892.94
		P3	RM2581.43	-	RM6221.67

SYARAT LANTIKAN Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2359.72)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU Calon bagi lantikan hendaklah lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang memiliki kelayakan dalam bidang kejuruteraan bioperubatan.